

250 UNIT DITAWAR RM42,000

Oleh Nurul Husna
Mahmud
nurul_husna@hme-
tro.com.my

Kuala Lumpur

Kerjasama kukuh di antara kerajaan dan syarikat swasta menyumbang kejayaan pembangunan sosial di Kuala Lumpur terutama dalam meningkatkan kualiti hidup komuniti B40.

Ia dilihat menerusi usahasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Sentul Raya Sdn Bhd (SR-SB), anak syarikat YTL Land and Development Sdn Bhd dalam menjayakan program perumahan rakyat, Residensi Kecapi, Sentul dan disusuli projek



DR Zaliha melawat unit rumah Residensi Kecapi di Majlis Palancaran Residensi Kecapi di Sentul. - Gambar NSTP/EIZAIRI SHAMSUDIN

“Pelancaran Residensi Kecapi satu projek sangat penting apabila menyaksikan pemulihan dan pembangunan semula kawasan Sentul Barat yang terpinggir turut mengambil masa sedekad dalam merealisasikan inisiatif rumah harapan rakyat”

*Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri
Dr Zaliha Mustafa*

pendayaan pendidikan, Program Pendidikan Bintang Cemerlang 2.0 dilancarkan, semalam.

Menurut Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa, komitmen syarikat pemaju itu

dalam merealisasikan dua inisiatif penting menyokong agenda pembangunan sosial komuniti B40 bandar amat dihargai.

“Program hari ini (semalam) bukan hanya mengenai membina rumah atau

sekadar melancarkan program semata-mata sebaliknya ia satu bentuk usaha dalam menaikkan maruah, mencipta peluang dan menyampaikan harapan golongan terpinggir.

“Pelancaran Residensi Kecapi satu projek sangat penting apabila menyaksikan pemulihan dan pembangunan semula kawasan Sentul Barat yang terpinggir turut mengambil masa sedekad dalam merealisasikan inisiatif rumah harapan rakyat.

“Sebanyak 250 unit ditawarkan dengan harga jauh lebih rendah dengan harga pasaran iaitu

RM42,000 setiap satu adalah contoh terbaik sesuatu yang boleh dicapai menerusi usahasama kerajaan dan sektor swasta.

“Memastikan akses kepada perumahan berkualiti, terutama untuk keluarga berpendapatan rendah, adalah bahagian penting dalam agenda negara kita selaras dengan semangat masyarakat Madani yang lebih kukuh, lebih kukuh. belas kasihan, inklusif dan fokus untuk mengutamakan rakyat,” katanya.

Inisiatif itu turut menyokong Dasar Perumahan Negara Kerajaan dengan menyediakan rumah mampu milik untuk keluarga yang layak di Sentul dan menerusi proses pemilihan yang telus.

Sementara inisiatif Bintang Cemerlang 2.0 pula dijangka memfokuskan pendayaan pendidikan dijangka memberi manfaat kepada murid 23 sekolah rendah di sekitar kawasan Sentul terbabit.

“Pada masa sama, program pendayaan pendidikan Bintang Cemerlang 2.0 akan terus menyokong komuniti perumahan awam Sentul.

“Kita merujuk pembangunan sosial menerusi usaha pemulihan program kemahiran 3M (membaca, menulis dan mengira) bagi anak-anak komuniti B40 keciciran akibat terkesan dengan pandemik dan isu sosial membabitkan golongan itu.

“Ia penting dalam mempersiapkan generasi masa depan negara,” katanya.

